

BAB 7

PENYERTAAN POLITIK DAN KESAN TERHADAP KESTABILAN POLITIK TEMPATAN

7.1 Pengenalan

Penyertaan dalam politik boleh berlaku di berbagai peringkat sistem politik itu sendiri. Kegiatan politik seseorang itu mungkin sebagai pengundi biasa sahaja tetapi beliau mempunyai kepentingan terhadap parti politik tertentu. Ia juga boleh memegang satu-satu jawatan dan bergerak aktif dalam kegiatan politik (Rush, M. & Altthoff, P., 1971:14).

7.2 Penyertaan Pendatang Filipina Dalam Parti Politik

Seperti yang telah dihuraikan dalam bab 2 terdapat lima buah parti politik yang memerintah Sabah sejak negeri itu merdeka pada tahun 1963 iaitu parti United Pasok Momogun Kadazan Organization (1963-1965), parti USNO (1965-1976), parti Barjaya (1976-1985), parti PBS (1985-1994) dan Barisan Nasional yang dibentuk pada 1994-1998 dan terdiri dari Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Sabah Progressive Party (SAPP), Parti Liberal Demokratik (LDP), Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan Malayan Chinese Association (MCA). Menurut Encik Juhalal Hj Using pengurus JK KKK Kg. Panji, Kg. Puyut dan Kg. Bakau, dari 6,500 penduduk tempatan di Kampung Bakau,

Kampung Air, Kampung Puyut dan Kampung Panji seramai 3,300 orang telah mendaftar mengundi pada tahun 1994.¹


Pendatang Filipina sentiasa memberikan sokongan kepada pemimpin-pemimpin parti politik yang melindungi mereka. Para pemimpin politik pula terpaksa menjaga hubungan baik supaya berterusan dan mereka tidak dapat dipisahkan daripada penyokong-penyokong mereka di kampung ini. Kedua-dua saling memerlukan antara satu sama lain, di mana pemimpin memerlukan pendatang Filipina untuk menambah sokongan sebab sebahagian mereka juga layak mengundi kerana telah menjadi warga negara. Pendatang Filipina pula mendekati pemimpin kerana berharap mendapat perlindungan yang berterusan atau habuan-habuan tertentu. Hubungan antara pendatang Filipina dengan ahli politik tempatan akan dijelaskan selanjutnya.

Dari kajian ini didapati 25 orang (44.6%) sahaja responden yang telah mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia, 30 orang (53.6%) pula masih menjadi warga Filipina dan seorang (1.8%) berstatus penduduk sementara. Responden yang mempunyai taraf kewarganegaraan Malaysia ini mengambil kesempatan memasuki parti-parti politik dan mengundi di kawasan mereka kerana ada 12 orang (48%) daripada mereka terlibat dalam pertubuhan politik di mana kesemua mereka menyertai parti UMNO (lihat lampiran gambar 13, 14, 15 dan 16). Namun begitu, ada juga sebahagian daripada responden (52%) tidak menyertai parti politik (lihat carta 7.1 dan jadual 7.1).

Dari segi keanggotaan dalam parti politik, seramai 12 orang yang menyertai UMNO dan menganggotai bermula pada tahun 1991 hingga 1995 iaitu setelah UMNO masuk ke negeri Sabah. Namun paling ramai (8 orang) keahlian mereka di dalam

¹ Temu bual pada 6 Mei 1996.

UMNO pada tahun 1992 iaitu sebelum pembuburan Dewan Undangan Negeri Sabah pada Februari 1994. Setelah Kerajaan Barisan Nasional memerintah mulai 1994 kemasukan ahli berkurangan; hanya seorang sahaja yang memasuki pertubuhan itu.



Nota; Bilangan Pendatang Filipina yang telah mendapat warga negara seramai 25 dari 56 orang responden.

Jadual 7.1
Penyertaan Dalam Pertubuhan Politik

NAMA PARTI POLITIK	KEAHLIAN BIL (%)	JAWATAN AHLI AJK BIASA	TAHUN MENJADI AHLI				
			1991	1992	1993	1994	1995
UMNO	12	21.4	12	1	8	2	1
PBS	0	0	-	-	-	-	-
Warga Malaysia tidak masuk parti	13	23.2	-	-	-	-	-
Warga Asing Filipina	31	55.4	-	-	-	-	-
JUMLAH	56	100	19	1	8	2	1

Sumber: Borang Soal Selidik antara Mei - Jun 1996

Keanggotaan mereka di dalam pertubuhan UMNO ini hanya sebagai ahli sahaja.

Oleh itu ramai di kalangan mereka jarang mengikuti perjumpaan atau mesyuarat yang

diadakan oleh pertubuhan ini. Bagaimanapun, ada daripada responden menghadiri perjumpaan sebanyak sekali sahaja dalam masa setahun.² Menurut responden, mereka hanya akan menghadiri perjumpaan pada masa Mesyuarat Agong Tahunan diadakan untuk memilih perwakilan cawangan UMNO di kawasan mereka sahaja. Lain-lain perjumpaan yang dihadiri adalah semasa kempen pilihan raya.

Namun begitu, ada juga responden yang lebih aktif kerana kerap menghadiri perjumpaan UMNO iaitu sekurang-kurangnya sebulan sekali.³ Mereka lebih kerap menghadiri perjumpaan kerana mereka suka menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh UMNO seperti pertandingan sukan, nyanyian dan majlis perayaan. Kadang-kadang dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti ini mereka selalunya dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Kecil (AJK). Biasanya perjumpaan yang dihadiri diadakan sama ada di Balai Raya, Pejabat Bahagian UMNO Lahad Datu ataupun Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lahad Datu. Menurut responden sekiranya mereka aktif dalam pertubuhan ini, mereka selalunya menerima habuan-habuan tertentu seperti yang akan dibincangkan kemudian dalam bahagian 7.3.

Bagaimanapun, semasa di Kampung Bakau, pengkaji juga ada menemui bekas penyokong PBS,⁴ mereka merupakan orang yang pernah dilantik memegang jawatan JKKK oleh kerajaan PBS (1985-1994). Selepas PBS jatuh dan teraju pemerintahan dipegang oleh Barisan Nasional (1994), mereka tidak lagi memegang apa-apa jawatan dalam JKKK kerana jawatan tersebut telah diberikan kepada orang lain. Sebab itu, mereka merasa tidak berpuas hati terhadap Kerajaan Barisan Nasional yang bertindak

² Temu bual dari Encik Hamzah Bin Sain pada 13 Mei 1996.

³ Temu bual dari Encik Komlam Jahti pada 13 Mei 1996.

⁴ Orang yang dimaksudkan ialah Encik Ferry Bin Eppia ditemu bual pada 13 Mei 1996.

memecat mereka. Malah semasa pengkaji menjalankan kajian di Kampung Bakau ada di antara responden yang masih merentangkan bendera parti PBS di ruang tamu rumah yang menggambarkan seolah-olah mereka masih menyokong parti berkenaan walaupun mereka tidak memihak kepada mana-mana parti memerintah pada masa itu.

Kajian ini menyokong penemuan kajian Maria David mengenai penyertaan pendatang Filipina dalam politik di Kota Kinabalu, Sabah. Beliau mendapati sebahagian daripada pendatang asing Filipina terlibat sama membantu kempen pilihan raya dan menjadi orang suruhan untuk mengadakan rusuhan politik (Maria David, 1996:44). Di samping itu mereka juga terlibat sama dalam pendaftaran pemilihan pilihan raya (Kalsum Mohammad Nor, 1991:79). Ini menimbulkan tuduh menuduh antara parti pembangkang dengan kerajaan bahawa sebahagian dari ahli parti mendaftarkan ramai pendatang asing sebagai warga negara untuk kepentingan politik juga seperti yang dijelaskan dalam kajian Dorall (1989:295) dan Rachagan (1991:258-260).

7.3 Sebab Menyertai Pertubuhan Politik

Ada tiga sebab mengapa orang Filipina ini menyertai pertubuhan politik iaitu untuk mendapatkan perlindungan, kerakayatan dan bantuan material.

7.3.1 Mendapatkan Perlindungan

Penyertaan pendatang Filipina di dalam aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan oleh parti politik dan pertubuhan-pertubuhan sosial di bawah naungan parti politik di Kampung Bakau ada kaitannya dengan strategi mereka untuk mendapatkan perlindungan. Komitmen yang diberikan kepada pemimpin-pemimpin politik tempatan menyebabkan mereka diterima sebagai penduduk sementara yang boleh diperalatkan

pada masa hadapan. Boleh diandaikan pendatang tanpa izin ini dijadikan "rakyat simpanan" yang akan dipergunakan oleh orang politik sama ada untuk kepentingan politik atau ekonomi dengan memberikan mereka taraf kewarganegaraan sama ada secara sah ataupun tidak sah. Sementara penglibatan mereka dalam pertubuhan politik dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pertubuhan politik tempatan boleh dianggap sebagai satu cara mereka untuk bertahan lama tinggal di Sabah. Mereka berharap agar terus dilindungi oleh orang politik dalam kerajaan.

Latar belakang sosial dan budaya yang hampir sama dengan penduduk tempatan dan hubungan kekeluargaan atau persaudaraan yang sedia ada menyebabkan pemimpin-pemimpin politik memilih mereka untuk diberikan taraf kewarganegaraan. Lagipun jangka masa permastautinan mereka di Sabah lebih dari 10 tahun membolehkan mereka menguasai bahasa Malaysia dan mengamalkan kebudayaan tempatan dengan baik. Jadi penyelewengan dalam pemberian kad pengenalan atau taraf kewarganegaraan oleh pemimpin-pemimpin politik kepada pendatang tanpa izin Filipina tidak begitu ketara kerana pendatang Filipina ini mempunyai identiti yang hampir sama dengan penduduk tempatan yang berketurunan Filipina.

Biasanya kalau pihak-pihak berkuasa seperti Majlis Daerah Lahad Datu mengarahkan penduduk kampung-kampung setinggan di Lahad Datu berpindah selalunya ada campur tangan ahli-ahli politik dari parti memerintah. Ahli politik ini mempertahankan kedudukan perkampungan iaitu Kampung Panji, Kampung Puyut, Kampung Air termasuk Kampung Bakau kerana terdapatnya cawangan-cawanagan parti yang mempunyai ramai penyokong.

Oleh itu, pendatang tanpa izin Filipina di kampung-kampung berkenaan mengambil kesempatan untuk memberikan komitmen yang tinggi kepada aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan oleh orang politik sama ada dari parti pembangkang PBS atau parti UMNO sendiri. Walaupun matlamat pendatang tanpa izin Filipina ini tidak dinyatakan secara langsung kepada pemimpin-pemimpin politik itu tetapi mereka merasakan ia boleh mengikat perhubungan yang berterusan dengan ahli-ahli politik ini agar bersimpati terhadap mereka dan terus memberi perlindungan. Sementara parti politik sedia menerima mereka agar menambah sokongan dalam pilihan raya.

7.3.2 Mendapatkan kewarganegaraan Malaysia

Dalam masa yang sama pendatang Filipina juga mengharapkan ahli-ahli politik di Kampung Bakau ini dapat memberikan taraf kewarganegaraan. Ini terbukti di Kampung Bakau di mana 44.6% responden yang ditemui telah mendapat taraf kewarganegaraan. Keadaan yang sama ditemui dalam kajian awal pengkaji di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah. Dalam kajian awal ini didapati 64.5% dari 77 orang responden telah menjadi warga negara Malaysia (Zulkiflie Hassan, 1993/94: 45-46). Sementara dalam kajian Rafidah Karaman (1989:59) seramai 18% dari 50 orang yang pernah berstatus pelarian Filipina di Pulau Gaya telah memperolehi kad pengenalan biru.

Ada asas-asas kukuh bagi ahli-ahli politik Sabah membantu pendatang Filipina ini mendapatkan kewarganegaraan. Pertama asas sejarah, sebelum terbentuknya Malaysia pada 16 September 1963, Sabah adalah di bawah pemerintahan 'North Borneo Company'. Pada masa itu belum ada sebarang larangan yang menghalang orang keluar masuk di sempadan Sabah. Seperti yang dijelaskan dalam bab 2, orang Filipina bebas keluar masuk Sabah kerana mempunyai hubungan sosio-budaya dengan penduduk di negeri ini.

Malah ada yang berhijrah untuk menetap di Sabah kerana mengikut saudara mara atau disebabkan ikatan perkahwinan. Setelah Sabah masuk Malaysia, maka wujud sempadan antarabangsa antara Sabah dengan Filipina dan Undang-Undang Imigresen. Orang Filipina yang berada dan menetap di Sabah secara automatik menjadi rakyat Malaysia. Dengan sebab itulah, sebahagian pemimpin politik ini membantu pendatang Filipina yang datang sebelum Sabah merdeka untuk diberikan taraf kewarganegaraan.

Kedua ialah asas undang-undang atau polisi Kerajaan Sabah. Perlembagaan Malaysia, membenarkan setiap warga asing yang menetap lama (sekurang-kurang 15 tahun) di Sabah memohon taraf kewarganegaraan (Perlembagaan Malaysia, 1995:22). Pemohon mesti mempunyai pasport perjalanan yang sah. Mereka akan diberikan kad pengenalan hijau setelah menetap 12 bulan di Sabah. Kad pengenalan hijau ini mesti diperbaharui setiap tahun. Setelah lima tahun tanpa kembali ke negara asal, pemohon layak memohon untuk menjadi penduduk tetap di Sabah untuk mendapatkan kad pengenalan merah. Setelah memegang kad pengenalan merah selama 12 tahun, maka pemohon layak untuk memohon menjadi warga negara Malaysia. Pemohon mesti mengisi 'borang G' (lihat lampiran 9 dan 10).⁵

Sementara anak-anak golongan pendatang juga boleh memohon menjadi taraf kewarganegaraan berdasarkan peraturan '*Jus Soli*' seperti yang dipraktikkan dalam banyak negara seperti Amerika, Kanada, Australia dan lain-lain. *Jus Soli* merupakan undang-undang yang berdasarkan '*the law of soil*' yang menjamin taraf kewarganegaraan kepada setiap golongan pendatang yang dilahirkan di dalam sempadan negara dan dia juga boleh memilih untuk kembali ke negara asal (Stalker, 1994:63).


⁵

Temu bual dengan Encik Paimin Bin Paiman (Ketua Pendaftaran, Daerah Lahad Datu) pada 11 Jun 1996 (jam 3.00-3.30 petang)

Selain dari itu, wanita-wanita warga negara asing juga boleh memohon taraf kewarganegaraan setelah berkahwin dengan orang tempatan (lihat lampiran 8 dan 11). Syarat-syaratnya seperti berikut:

- i) Wanita (pemohon) mesti mempunyai pasport, sekurang-kurangnya setelah 2 tahun tinggal di Sabah.
- ii) Dia mesti tidak bercerai iaitu perkahwinannya berlanjutan. Isteri (pemohon) mesti memohon warga negara atas jaminan atau sokongan suaminya.⁶

Carta 7.2 menunjukkan status warga negara responden. Dari 56 responden, seramai 45% telah menjadi warga negara Malaysia, 53% pendatang tanpa izin Filipina dan 2% penduduk sementara. Jangka masa pendatang Filipina ini mendapat taraf kewarganegaraan atau kad pengenalan biru digambarkan dalam jadual 7.2. Bagaimanapun, jangka masa ini dikira dari mereka mula sampai di Sabah hingga mendapat kad pengenalan biru.

⁶

Temu bual dengan Encik Paimin Bin Paiman (Ketua Pendaftaran, Daerah Lahad Datu) pada 11 Jun 1996 (jam 3.00-3.30 petang).

Jadual 7.2 mengemukakan satu penemuan yang dianggap penting dan sensitif. Mengikut peraturan imigresen, hanya responden yang menetap di Sabah sekurang-kurang 15 tahun layak diberikan taraf kewarganegaraan. Dari 22 orang yang telah diberi taraf warga negara di Kampung Bakau, 20 orang (90.9%) daripada mereka telah mendapat taraf kewarganegaraan dalam jangka masa kurang dari 15 tahun. Hanya seorang (4.5%) daripada mereka mendapat kerakyatan dalam jangka masa lebih dari 15 tahun.

Jadual 7.2
Jangka masa Mendapat Kad Pengenalan Biru (Kerakyatan Malaysia) Dari Tahun Mula Sampai Ke Sabah

TAHUN MENDAPAT KAD PENGENALAN BIRU	BIL	%	JANGKA MASA KAD PENGENALAN BIRU DIKELUARKAN DARI TAHUN MULA SAMPAI DI SABAH (TAHUN)						
			< 1	1-3	4-6	7-9	10-12	13-15	> 15
< 1970	1	4.5	-	1	-	-	-	-	-
1971 – 1975	4	18.2	1	-	-	-	2	1	-
1976 – 1980	1	4.5	-	-	-	-	1	-	-
1981 – 1985	7	31.8	-	-	1	3	2	1	-
1986 – 1990	6	27.3	-	-	3	2	1	-	-
1991 – 1995	2	9.1	-	-	1	-	-	-	1
1996	1	4.5	-	-	-	-	-	1	-
JUMLAH	22	100	1	1	5	5	6	3	1

Sumber: Borang Soal Selidik pada Mei-Jun 1996.

Bilangan warga negara 25 orang dari 56 orang Responden. (lahir Sabah 3 orang)

Sebanyak dua orang (9.1%) daripada mereka mendapat taraf kewarganegaraan dalam jangka masa kurang dari 4 tahun mana kala jangka masa 4 hingga 6 tahun dan 7 hingga 9 tahun masing-masing 22.7%. Kalauolah mereka memohon taraf kewarganegaraan ini mengikut prosedur-prosedur yang betul tentunya dalam tempoh tersebut mereka belum layak diberikan taraf kewarganegaraan. Ini membuktikan ada penyelewengan dalam pemberian taraf kewarganegaraan kepada pendatang Filipina ini.

Boleh diandaikan bahawa wujud sindiket kad pengenalan palsu di kalangan masyarakat Filipina ini. Menurut JKKKMP, Persatuan Bangsa Suluk di Kampung Bakau terlibat dalam sindiket mengedar dan menjual kad pengenalan, pas lawatan dan pas kerja

palsu. Oleh itu Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP) membubarkan persatuan ini pada bulan Februari 1996.⁷

Bagaimanapun, pendatang asing yang tidak ada kelayakan-kelayakan juga boleh mendapatkan kewarganegaraan dan kerakyatan Sabah. Banyak cara digunakan untuk mendapatkan dokumen-dokumen palsu. Misalnya untuk mendapatkan kad pengenalan biru palsu ada tujuh cara yang telah dikesan adalah seperti berikut:

1. Membuat laporan palsu mengatakan mereka rakyat Sabah tetapi sijil beranak mereka telah hilang. Mereka meminta pengesahan kehilangan sijil beranak ini daripada ketua kampung mereka yang juga asalnya berturunan Filipina.⁸
2. Mereka yang mempunyai taraf kewarganegaraan pula mengakui anak kepada saudara mara yang baru lahir sebagai anak kandung sendiri.⁹
3. Saudara mara yang masih menetap di negara Filipina datang ke Sabah untuk melahirkan anak di hospital ataupun klinik tempatan. Ini bertujuan untuk mendapatkan pendaftaran kelahiran di Sabah agar anak berkenaan mudah memohon taraf kewarganegaraan apabila besar kelak. Setelah bersalin dan mendapat pendaftaran kelahiran atau sijil beranak di Sabah, anak berkenaan akan dibawa pulang semula ke Filipina.¹⁰
4. Pendatang tanpa izin Filipina ini mendapatkan kad pengenalan palsu dan resit sementara palsu. Ini menjadi isu politik di kalangan penduduk tempatan. Dikatakan

⁷ Maklumat dari Encik Rafail Pala (Pengerusi JKKKMP) pada 8 Mei 1996.

⁸ Maklumat dari Encik Abdullah Basni 10 Jun 1995.

⁹ Ibid

¹⁰ Maklumat dari kakitangan kerajaan-nama dan Jabatan dirahsiakan atas permintaan informan pada 17 Jun 1996.

ramai di kalangan pendatang Filipina tanpa izin ini memperolehi kad pengenalan palsu.¹¹ Berita Harian, melaporkan di Kota Kinabalu polis telah merampas kira-kira 10,000 keping kad pengenalan palsu dan menahan 32 orang dalam operasi kegiatan mengedar dan menjual dokumen itu kepada pendatang asing di Sabah, sejak Julai 1996.¹²

5. Pendatang tanpa izin Filipina ini mendapatkan kad pengenalan secara sah dari 'ICs project.' Mereka juga mendakwa kerajaan Berjaya terlibat sama dalam mengeluarkan kad pengenalan palsu. Hal ini dapat dilihat dari laporan media tempatan, yang mengatakan kerajaan Berjaya terlibat dalam pemberian kad pengenalan kepada pendatang asing tanpa izin di bawah satu projek dikenali sebagai 'ICs project'.¹³
6. Wanita-wanita pendatang tanpa izin Filipina pula berusaha mendapatkan taraf kewarganegaraan melalui "Sindiket perkahwinan" yang mengaturkan nikah haram dan imam palsu. Orang Visayas (agama Kristian) yang berkulit kuning langsat dan mata sepet seperti peranakan Cina dianggap cantik oleh sebilangan orang Sabah, maka ada antara penduduk tempatan beragama Islam tertarik untuk menjadikan mereka sebagai isteri kedua, ketiga, keempat ataupun perempuan simpanan. Wanita-wanita Visayas ini pula mengambil kesempatan berkahwin dengan orang tempatan untuk mendapatkan kehidupan yang lebih senang dan memperolehi taraf kewarganegaraan Malaysia.¹⁴

¹¹ Lihat **Borneo Post** pada 20 Julai 1995 (Kegiatan Pemalsuan Kad Pengenalan Di Sabah Agak Serius) dan **Daily Express** pada 1 Februari 1993 (Polis Pandang Berat Penemuan Banyak Resit Kad Pengenalan).

¹² Lihat **Berita Harian** pada 26 Oktober 1995 (Polis Rampas 10,000 Kad Pengenalan Palsu).

¹³ Lihat **Daily Express** pada 9 Mei 1987 dan 13 Mei 1987.

¹⁴ Temu bual dengan **Ustaz Abidin Syukur** pada 7 Jun 1996 (jam 10.30 am).

Sindiket perkahwinan ini dijalankan sendiri oleh orang Filipina. Mereka akan menyediakan gambar-gambar wanita yang ingin berkahwin dengan penduduk tempatan. Setiap orang tempatan yang ingin berkahwin melalui sindiket ini boleh memilih pasangan mereka melalui gambar-gambar yang disediakan dan membayar antara RM 300 hingga RM 1000 bergantung kepada rupa-paras wanita berkenaan.¹⁵

Wanita-wanita yang dipilih ini sama ada telah berada di Sabah ataupun masih berada di Filipina. Segala kos perkahwinan akan ditanggung sendiri oleh pelanggan. Kadang-kadang di atas persetujuan pelanggan, mereka sanggup menanggung kos tambang perjalanan (secara tidak sah) dari Filipina ke Sabah (Lahad Datu). Setelah wanita itu diberikan kepada pelanggan, mereka akan menemui imam yang tidak bertauliahan (beroperasi secara tidak sah) untuk diakad nikahkan.¹⁶

Kadang-kadang perkahwinan mereka tidak mempunyai sijil. Kalau ada pun, sijil perkahwinan itu adalah palsu. Perkahwinan mereka tidak memerlukan surat izin mahkamah syariah dan wali, sebaliknya hanya dengan izin dan berwalikan imam. Imam itu pula dibayar antara RM 100 dan RM 300. Kebanyakan imam ini terdiri dari pendatang Filipina sendiri yang merupakan orang lama atau orang tua.¹⁷ Kewujudan sindiket perkahwinan, nikah haram dan imam palsu disahkan sendiri oleh pegawai Majlis Agama Islam Sabah Cawangan Lahad Datu (MUIS).¹⁸

7. Pendatang tanpa izin menggunakan kad pengenalan orang yang sudah lama meninggal dunia. Ini ada kaitannya dengan penjualan kad pengenalan itu oleh pihak-

¹⁵ Maklumat dari Encik Zainuddin Bin Mohd Amin (berasal dari Kampung Silibukan, Lahad Datu) pada 10 Mei 1996.

¹⁶ Ibid

¹⁷ Ibid

¹⁸ Temu bual dengan Ustaz Abidin Syukur pada 7 Jun 1996 (jam 10.30 am).

pihak tertentu. Masalah ini berlaku di daerah Sipitang, Sabah yang dipaparkan di dalam Berita Harian¹⁹ bahawa ada pendatang asing memiliki nama yang sama dengan orang tempatan yang sudah meninggal dunia lebih sepuluh tahun. Pastinya ada suatu yang tidak kena berlaku di Jabatan Pendaftaran daerah itu.

Penyelewengan ini berlaku dalam berbagai bentuk. Sindiket kad pengenalan palsu bekerjasama dengan sebilangan kakitangan di Jabatan Pendaftaran Negara sendiri. Hal ini dilaporkan dalam akhbar Sabah Times (lihat lampiran muka surat 272) di mana dikatakan bahawa Ketua Jabatan Pendaftaran, timbalannya dan 11 orang kakitangan Jabatan Negara di Tawau telah ditangkap berhubung dengan sindiket pemalsuan kad pengenalan. Daily Express pula, melaporkan dua orang pewagai Jabatan Pendaftaran di Tawau, Sabah telah ditangkap kerana dipercayai terlibat dalam pemalsuan kad pengenalan (Sabah Times, 27 November 1992 & Daily Express, 14 Jun 1993). Ada bukti yang menunjukkan pendatang Filipina hari ini menyertai parti politik seperti UMNO, namun tidak semestinya parti UMNO terlibat dalam pemberian kad pengenalan. Mungkin parti-parti politik yang mereka sokong dahulu yang membantu mereka dapatkan kad pengenalan palsu.

Berdasarkan kajian Kalsum Mohammad Nor (1991) didapati ramai dari pendatang haram yang mempunyai kad pengenalan biru palsu telah mendaftar untuk Pendaftar Pemilihan di Sabah. Apabila ditanya tentang butir-butir peribadi, mereka tidak dapat menjawabnya tapi mengakui sebagai penduduk tempatan. Polis telah menangkap mereka yang didapati cuba menggunakan kad pengenalan palsu untuk mendaftarkan diri (Kalsum Mohammad Nor, 1991:79).

¹⁹ Lihat Berita Harian pada 27 Jun 1996 (Pendatang Semakin Ramai Di Sipitang).

NRD Officials released on bail

(Sabah Times 27 July 1992)

TAWAU, Thurs-The Tawau National Registration department (NRD) chief, his deputy and 11 other persons arrested in connection with a fake identity card syndicate, earlier this month, were today released on a \$1,000 under posted bail each by the Magistrate's Court here.

Magistrate Anita Harun ordered the 38-year old Tawau NRD chief and his 41-year-old deputy to post a \$1,000 undeposited bail each with two local surties. Both are Peninsular Malaysians.

similar order for the eleven other suspects with each having to post \$1,000 undeposited bail and two sureties for their release.

Meanwhile, it was learned that on November 12 at about 4 pm, the police arrested the Tawau NRD chief at his office before he led police to his house at Jalan Kampung Jawa where the police seized new IC application forms, photostating and laminating machines among other items. An hour later, the police arrested his

arrested five other suspect believed to be middleman before picking-up six applicants for the faked ICs.

It was learned that the police had more or less wrapped up their investigations into the caper.

Police are awaiting advice from the Senior Federal Council's Office before appropriate action was taken. (MV).

Umno Politician among four held under the ISA

(Daily Express-19 July 1995)

- By Jerry Kamijan

KOTA KINABALU, Tues.-A Sabah Umno Politician Dato Mohd Akjan bin Datu Ali Muhammad and a National Registration Department (NRD) officer were among four people detained under the Internal Security Act in the state last Thursday and yesterday.

Mohd Akjan, 42 who is also a business-man was picked up separately with another man, Awang bin Haji Ghani alias Awang Rashid-whose age or profession is unknown-by a team from the Bukit Aman police headquarters here yesterday.

It was learnt that Mohd Akjan was arrested in town in the evening while Awang was picked up earlier.

The Tawau-based NRD officer, Kee Dzulkifli Kee Abdul Jalil together with a self-employed Abdul Salam bin Mohd Ibrahim were arrested in Tawau on July 13 also by Bukit Aman squad.

State Police Commissioner DCP Maizan Shaari told reporters today that the four are being detain under Section 73 (1) of the Internal Security Act 1960.

Under the Section, police are empowered to detain anyone suspected of being involved in activities prejudicial to the national security for 60 days.

Under Section 8 of the same Act, police through the home Ministry have the power to detain anyone for two years upon the expiry of the 60 day period, without bail.

"They (the four) were detained under ISA as they are seen as threats to the national security," Maizan said declining to elaborate.

He said there would not be any further arrest other than the four under ISA.

It was learnt that the four were arrested for their alleged involvement in the issuance of Malaysian identity cards.

Press on the specific for their detention, Maizan replies that they were related to alleged IC-issuance activities.

Mohd Akjan who is closely related to the Filipino-Bajau community here especially in Pulau Gaya where most of the community reside, is a member of the Sabah Umno Gaya division.

He recently created a controversy when he said that the majority of the transient community refused to return to their homeland in the Philippines as Sabah has better economy.

He had said the peace and tranquility in Malaysia has attracted the Filipinos to work and stay without incurring the wrath of the authorities.


Mohd Akjan's has also been floated around in the forthcoming Umno Gaya Divisional election. Gaya divisional head Mr Hussein Wahid Daily could not be reached for comment.

The arrest of the NRD officer under ISA is believed to be the first in the state. There have been cases where officer were charged and convicted by the court for involvement in the issuance of fake ICs.

The use of ISA is nothing new in Sabah as between 1991 and 1993 there had been no less than nine arrest under Act. Datuk Dr Jeffrey Kitingan who is now the Bingkor Assemblyman was among the ISA detainees during the three year period.

Jeffrey was detained in May 1991 for what the authorities said was his alleged involvement in a plot to pull Sabah out of Malaysia. He was released on Christmas Day in 1993. Other former ISA detainees during the period were Sandakan businessman Freddy Lim and Dr Maximus Ongkili who detained briefly in early 1991, Mr Vincent Chung, former Sabah Air chairman Benedict Topin who is now the Kadazan-dusun Cultural Association secretary-general, an assistant superintendent of police Rahman Ahmad, two former policemen Damit Undikai and Albinus Yudah and an unemployed man Ariffin bin Haji Hamid alias Alfa Hamid.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan dari Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Kontjen Kepayan, Kota Kinabalu dari tahun 1993 hingga April 1994, didapati sebanyak 1691 kes yang bersabit dengan kad pengenalan palsu di Sabah seperti yang digambarkan dalam carta 7.3. Kebanyakan kes melibatkan warga negara asing terutamanya warga



Sumber: Cawangan Jenayah, Ibupejabat Polis Diraja Malaysia, Kontjen Kota Kinabalu, Sabah. Dikeluarkan pada 15 Julai 1996. Kes-kes ini semuanya telah dibicarakan oleh Mahkamah (tidak diterbitkan).

negara Indonesia dan warga Filipina. Malah orang tempatan termasuk ahli-ahli politik Sabah juga terlibat dalam mengeluarkan kad pengenalan palsu dan pelbagai dokumen resmi jabatan kepada rakyat asing. Misalnya akhbar Daily Express (19 September 1995) melaporkan bahawa seorang ahli politik Datu Mohd Akjan Bin Datu Ali Muhammad dan pegawai Jabatan Pendaftaran Negara merupakan antara empat orang yang ditahan oleh pihak polis di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Datu Mohd Akjan merupakan Setiausaha Persatuan Bajau Suluk Sabah yang ditahan pada 17 Julai 1995

oleh pasukan cawangan khas dari Bukit Aman, Kuala Lumpur. Sebelum ini beliau telah pun mengumumkan hasratnya untuk bertanding sebagai Ketua Bahagian UMNO Gaya. Pada 18 September 1995, enam lagi termasuk Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tawau iaitu Samsul Alang Hamsah ditahan mengikut ISA kerana disyaki terbabit dengan kegiatan mengeluarkan dan mengedar kad pengenalan Malaysia palsu di Sabah (Berita Harian, 18 September 1995).

Selain dari itu, ada pendatang Filipina mendapatkan sokongan daripada ahli-ahli politik ketika mereka memohon taraf kewarganegaraan. Kajian ini mendapati ada ahli-ahli politik yang menyokong pendatang Filipina di Kampung Bakau ini untuk mendapatkan kewarganegaraan. Ahli politik ini tidak terlibat secara langsung dalam memberi atau mengeluarkan kad pengenalan (lihat jadual 7.3).

Jadual 7.3
Cara Mendapatkan Kad Pengenalan Biru (Warga negara)

PIHAK YANG MEMBERI SOKONGAN	BIL	%
SOKONGAN PARTI USNO	3	12
SOKONGAN PARTI BERJAYA	6	24
SOKONGAN PARTI PBS	-	-
SOKONGAN UMNO	-	-
TIDAK BERI TAHU	13	52
MOHON MENGIKUT CARA SAH	3	12
JUMLAH	25	100


Sumber: Borang Soal Selidik pada Mei-Jun 1996.
Bilangan Warga negara 25 orang dari 56 orang Responden.

Kajian ini mendapati dari 25 responden yang telah dapat kewarganegaraan seramai enam orang (24%) darinya memperolehi kad pengenalan biru dengan sokongan

dari pihak parti Berjaya dan tiga orang (12%) pula dari pihak parti USNO. Sementara itu seramai tiga (12%) memperolehi kad pengenalan dengan memohon melalui Jabatan Pendaftaran Negara mengikut saluran-saluran yang sah. Bagaimanapun, penulis tidak dapat memastikan kebenaran tentang apa yang dikatakan oleh responden ini. Sebahagian besar (52%) daripada responden pula tidak mahu memberitahu bagaimana kad pengenalan mereka diperolehi.

Pihak yang memberi sokongan pula adalah orang berpengaruh dan terlibat dalam politik. Bagaimanapun, kalau diperhatikan kategori responden yang dipilih untuk diberikan sokongan, didapati ramai daripada mereka yang telah menetap lama di Sabah sekurang-kurangnya 10 tahun iaitu sejak mereka mula sampai di Sabah pada tahun 1970 an. Mereka boleh berbahasa Melayu dan mempunyai saudara mara dari kalangan penduduk tempatan. Pada masa kajian dilakukan mereka telah menetap di Sabah lebih dari 20 tahun.

Daerah dari mana responden ini memperolehi kad pengenalan digambarkan dalam carta 7.4. Dalam carta ini, ditunjukkan bahawa sebanyak 84% kad pengenalan responden dikeluarkan di daerah Lahad Datu, selebihnya 8% di Semporna dan masing-masing 4% di Tawau dan Sandakan. Mereka memperolehi kad pengenalan ini dari lain-lain daerah kerana sebahagian daripada mereka telah menetap di daerah lain sebelum datang ke daerah Lahad Datu.



Nota: Bilangan Warga negara 25 orang dari 56 orang Responden.

Kalau dikaitkan sokongan ini dengan isu 'ICs project,' belum pasti ianya mendapat bukti yang kukuh. Ini kerana responden sengaja menemui orang yang berpengaruh untuk menyokong mereka memohon taraf kewarganegaraan agar lebih mudah untuk diluluskan. Namun orang yang berpengaruh ini tidak semestinya terdiri dari pemimpin politik yang mereka sokong. Jabatan Imigresen Lahad Datu sendiri sering menghadapi tekanan kerja akibat campur tangan sebahagian orang politik yang menjadi penjamin kepada pendatang asing untuk mengeluarkan dokumen seperti "Pas Lawatan" dan "Kad Pengenalan Merah." Mereka terpaksa meluluskan dan mengeluarkan dokumen berkenaan.²⁰


Bagaimanapun, kenyataan daripada responden ini kadang kala meragukan. Besar kemungkinan mereka sengaja menyatakan mereka mendapat sokongan daripada pemimpin-pemimpin politik untuk mengaburi diri mereka dari dikesan memperolehi kad pengenalan palsu dari pihak-pihak sindiket kerana pada hakikatnya setiap permohonan taraf kewarganegaraan mesti ada sokongan.

²⁰ Maklumat dari pihak Jabatan Imigresen Sabah, Cawangan Lahad Datu pada 13 Jun 1996.

7.3.3 Mendapatkan Bantuan Material

Di Sabah politik wang bukan sahaja berlaku di kalangan penduduk tempatan malah telah pun meresapi pendatang yang telah mendapat taraf kewarganegaraan. Sebenarnya mereka mula terlibat dalam politik wang ini sejak permerintahan USNO lagi. Sejak melibatkan diri dalam aktiviti politik, mereka biasa ada menerima wang dari pemimpin-pemimpin parti. Berdasarkan kajian soal selidik seperti yang ditunjukkan dalam carta 7.5 dan jadual 7.4, seramai 8 orang (32%) responden mengatakan pernah menerima bantuan wang dari parti-parti politik. Sementara 17 orang (68%) pula tidak pernah menerima bantuan wang.

Di Kampung Bakau, didapati parti kerajaan dan pembangkang sama-sama terlibat dalam politik wang. Ramai responden (32%) telah menerima wang dari pemimpin UMNO selepas masuk ke Sabah sejak tahun 1990. Namun parti PBS juga terlibat sama dalam pemberian wang ini. Seramai dua orang (8%) responden pernah menerima wang dari pemimpin parti PBS. Pemberian wang yang dinyatakan oleh responden ini merupakan pemberian wang yang terakhir mereka terima semasa kempen pilihan raya untuk mengundi parti. Lain-lain parti politik yang dikatakan oleh responden pernah memberi wang ialah parti Berjaya (4%).



Jadual 7.4
Parti Politik Yang Dikatakan Pernah Memberi Wang Kepada Responden #

NAMA PARTI	BIL	%	JUMLAH WANG YANG DIBERI (RM)				
			> 10	10 - 20	21 - 30	31 - 40	41 - 50
USNO	-	-	-	-	-	-	-
BERJAYA	-	-	-	-	-	-	-
PBS	-	-	-	-	-	-	-
UMNO	6	24	-	2	2	-	2
BERJAYA+PBS+UMNO * (a)	1	4	-	1	-	-	2
PBS + UMNO * (b)	1	4	-	2	-	-	-
Tidak Pernah terima wang	17	35					
JUMLAH	25	100	0	5	2	0	4

Sumber: Borang Soal Selidik pada Mei-Jun 1996. Bilangan Warga negara 25 orang dari 56 orang Responden.

Nota; # Pengkaji tidak dapat mempastikan sama ada kenyataan ini benar atau tidak

* (a) BERJAYA=RM10, PBS + UMNO=RM50, * (b) PBS=RM 10, UMNO=RM 15.

Parti-parti politik ini (Berjaya, PBS dan UMNO) terpaksa berusaha memancing undi dengan menyogokkan wang. Jumlah wang yang selalunya diterima oleh pendatang Filipina pada musim-musim pilihan raya umum adalah antara RM 10 hingga RM 50 seorang. Wang ini diberi oleh wakil-wakil parti di peringkat cawangan sama ada semasa menghadiri majlis kamphen terbuka di rumah-rumah ketua cawangan ataupun mereka datang sendiri ke rumah responden. Menurut responden wang ini diberikan untuk mendorong mereka supaya mengundi parti politik mereka.

Kajian ini mendapati pendatang Filipina di Kampung Bakau juga mempunyai budaya politik tersendiri. Semasa pilihan raya mereka akan menerima berapa sahaja jumlah wang pemberian daripada wakil-wakil pemimpin politik. Mereka tidak kisah dari parti mana habuan ini diterima. Kadang kala mereka menerima daripada semua pemimpin parti yang bertanding, tetapi hanya mengundi parti yang difikirkan benar-benar menjaga kebajikan mereka.

Sikap pendatang Filipina ini berbeza dari pendatang Filipina di Pulau Gaya, Kota Kinabalu. Di Pulau Gaya pendatang Filipina juga menerima wang dari wakil parti politik namun mereka bersikap dingin terhadap politik kerana lebih mementingkan kegiatan

ekonomi untuk memenuhi keperluan sehari-hari (Zulkiflie Hassan, 1993/94: 103-104). Tidak ramai dari mereka yang turun mengundi semasa pilihan raya Dewan Undangan Negeri 1985 dan 1986. Hinggakan para pemimpin politik yang berkempen di sana terpaksa memperuntukkan wang yang banyak untuk diagihkan kepada pengundi-pengundi supaya keluar mengundi dalam pilihan raya pada tahun-tahun yang berikutnya. Sebaliknya pendatang Filipina di Kampung Bakau ini, lebih aktif dalam politik. Mereka menggunakan kesempatan bergiat dan menyokong mana-mana ahli politik agar kebijakan mereka sentiasa dilindungi. Walaupun seramai 17 orang (35%) responden yang mempunyai taraf kewarganegaraan Malaysia tidak terlibat dengan politik wang, namun mereka tetap sama-sama turun mengundi semasa pilihan raya umum.

Selain menerima habuan-habuan yang berbentuk wang ringgit semasa pilihan raya, mereka juga menerima lain-lain jenis pemberian. Misalnya, mereka juga diberi peluang untuk mengikuti rombongan lawatan ke Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan. Seorang sahaja daripada pendatang Filipina ini yang menerimanya. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memberikan kursus kepimpinan sambil melawat kepada ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Masyarakat Pelarian.²¹

Hubungan antara pendatang Filipina yang mempunyai taraf kewarganegaraan dengan orang politik juga ketara dalam permohonan-permohonan tertentu seperti permohonan untuk mendapatkan tanah-tanah simpanan, tanah-tanah rancangan (FELDA), Skim Bantuan Rakyat Termiskin (seperti ASN atau ASB) dan Orang Tua. Seorang responden pula menerima *Skim Bantuan Rakyat Termiskin*. Melalui skim ini

²¹ Maklumat dari Encik Rafail Pala pada 6 Mei 1996.

responden memperolehi modal pelaburan saham Amanah Saham Bumiputera (ASB) sebanyak RM 5,000.

Pemberian yang dihulurkan seperti Skim Bantuan Rakyat Termiskin bukan diberikan oleh parti politik tetapi datangnya dari kerajaan. Tetapi agihannya adalah dengan campur tangan sebilangan ahli-ahli politik. Jabatan Kebajikan Masyarakat yang bertanggung jawab terhadap skim ini kehilangan kuasa untuk menilai atau meluluskannya. Bantuan-bantuan kerajaan terpaksa diluluskan atas arahan ahli-ahli politik yang diberikan kepada pendatang Filipina yang mempunyai taraf kewarganegaraan.²² Jadi, bolehlah dikatakan hubungan yang erat antara pendatang Filipina dengan ahli-ahli politik ini meninggalkan kesan negatif kepada penguasa tempatan, pentadbir dan kerajaan.

Pada masa sebelum ataupun semasa pilihan raya umum, pendatang Filipina di Kampung Bakau juga menerima janji-janji daripada ahli-ahli politik untuk memberikan bantuan ataupun kemudahan (lihat jadual 7.5). Janji yang paling banyak dikemukakan adalah pemberian kemudahan api (65%) dan air (65%). Ia bukan sahaja dijanjikan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan seperti parti USNO, Berjaya dan UMNO malah melibatkan pemimpin PBS dari parti pembangkang. Lain-lain janji melibatkan bantuan papan untuk membaiki jeti atau rumah (55%), bantuan zink (50%), bantuan tangki (45%), bantuan generetor (35%), bantuan penempatan baru (20%), pemberian taraf kewarganegaraan (10%) dan gergaji motor (5%). Bagaimanapun semua janji ini tidak ditunaikan.

²²

Maklumat dari **Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lahad Datu** pada 10 Jun 1996.

Jadual 7.5
Janji-Janji Politik Yang Diterima Oleh Responden

JANJI – JANJI POLITIK	BIL	%
Baiki Jeti / Beri papan	11	55
Bantuan Zink	10	50
Bantuan Generetor	7	35
Beri Kemudahan Api	13	65
Beri Kemudahan Air	13	65
Bantuan Tangki	9	45
Penempatan Baru	4	20
Kad Pengenalan	2	10
Gergaji Motor	1	5
JUMLAH TERIMA JANJI POLITIK	20*	(35.7%)

Sumber: Borang Soal Selidik antara Mei-Jun 1996

Bilangan warga negara 25 orang dari 56 orang responden.

Nota: * termasuk bukan warga negara

Kajian ini mendapati para pemimpin politik selalunya menjanjikan kepada penyokong-penyokong untuk memberi bantuan material dan mengatasi masalah yang dihadapi di tempat tinggal. Strategi ini dipercayai berkesan kerana penduduk sangat memerlukan seorang pemimpin yang boleh menyelesaikan masalah itu. Bagaimanapun mereka sering merasa kecewa apabila janji-janji yang dibuat ini selalunya tidak ditunaikan. Hinggakan setiap kali pilihan raya umum berlangsung mereka kurang percaya kepada pemimpin-pemimpin politik ini. Tetapi mereka masih tetap menyokong parti berkenaan kerana para pemimpin ini selalu membuat jaminan akan sentiasa menjaga kebijakan dan melindungi penduduk dari dihalau di tempat tinggal.

7.4 Penerimaan Pendatang Filipina Oleh Pemimpin-Pemimpin Politik

Kehadiran pendatang Filipina ini selalu mendatangkan isu kepada pemimpin-pemimpin Sabah terutama sekali penyertaan mereka dalam aktiviti-aktiviti politik. Isu ini timbul akibat ramai di kalangan masyarakat Sabah mempersoalkan cara-cara mereka memperolehi taraf kewarganegaraan. Misalnya, adakah mereka benar-benar memiliki taraf warga negara yang sah? Adakah mereka memperolehi kewarganegaraan mengikut prosedur yang sah? Apakah pemberian itu tidak dipengaruhi kepentingan pemimpin politik tertentu?

Ada dua sebab kenapa ahli-ahli politik membantu pendatang Filipina mendapatkan taraf kewarganegaraan secara sah atau palsu. Pertamanya, agar menambah sokongan parti dan mendapat majoriti dalam pilihan raya. Jika mereka mendaftar untuk menjadi pengundi dengan menggunakan kad pengenalan palsu diharapkan Suruhanjaya Pilihan Raya tidak akan dapat mengesan kad pengenalan palsu ini. Tetapi adakalanya pihak Suruhanjaya Pilihan Raya dapat mengesan mereka kerana kad pengenalan mereka mempunyai siri nombor lebih satu berbanding dengan kad pengenalan sah. Tetapi kalau Suruhanjaya Pilihan Raya tidak teliti dalam menyemak setiap pendaftar pengundi sebilangan pendatang tanpa izin akan dapat turut sama mengundi dalam pilihan raya.

Pada tahun 1960, penduduk Sabah yang beragama Islam hanya berjumlah 175,661 orang iaitu kira-kira 38.7% dari semua penduduk negeri itu.²³ Jumlah ini terlalu kecil berbanding dengan jumlah penduduk negeri Sabah yang bukan beragama Islam. Dalam konteks politik negeri, ia boleh menghalang kejayaan sesuatu perjuangan untuk

²³ Penduduk negeri Sabah berjumlah 454,421 orang pada tahun 1960 (Laporan Banci Penduduk Malaysia pada 1970).

orang Islam, khususnya yang melibatkan pelembagaan negeri. Tambahan lagi, pada masa itu Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang beragama Islam tidak mencapai majoriti dua pertiga (Muhiddin Yusin, 1990:61). Oleh itu, semasa di bawah kerajaan USNO (Tun Mustapha) yang pada masa itu menjadi Ketua Menteri Sabah (1963-1975) dikatakan telah melindungi pelarian-pelarian Filipina untuk menambahkan bilangan orang Islam di Sabah (Rachagan, 1991: 258-260). Isu ini dipergunakan oleh sebahagian parti politik pembangkang kerana situasi politik di Sabah adalah lebih kompleks. Parti PBS dari kalangan orang Kristian mendakwa parti USNO membenarkan kemasukan pendatang tanpa izin Filipina (termasuk pelarian) sebagai usaha untuk menambah penduduk Islam dan kekuatan politik orang Islam USNO (Pillai, 1992:20-21). Inilah yang menyebabkan PBS menuduh pemimpin-pemimpin parti Berjaya dan USNO terlibat dalam ‘projek kad pengenalan’ seperti yang telah dijelaskan sebelumnya.

Sementara itu, pemerintahan kerajaan Berjaya (1976-1985) juga dikaitkan dengan tuduhan terlibat dengan pemberian projek kad pengenalan. Menurut Tan (1986) salah satu punca kejatuhan kerajaan Berjaya dalam Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Sabah pada tahun 1985 dan 1986 adalah disebabkan isu pendatang tanpa izin. Parti Bersatu Sabah (PBS) dari pihak pembangkang telah membangkitkan isu kebanjiran pendatang tanpa izin yang tidak dikawal oleh kerajaan Berjaya dan kerajaan Persekutuan (Tan, 1986:28).

Dalam Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri 1990, isu ini masih digunakan. Bagaimanapun, dakwaan ini beralih pula kepada parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)²⁴ kerana para pemimpin PBS menjangkakan parti ini boleh memberi

²⁴

Lihat **Sabah Times** pada 13 Mac 1990.

saingan dalam pilihan raya berkenaan. Dalam masa yang sama PBS membuat tuntutan kepada kerajaan Persekutuan dalam isu ‘20 perkara’²⁵ supaya menubuhkan Suruhanjaya Siasatan untuk menyiasat pemberian kad pengenalan biru kepada rakyat asing (Khusairie Talib, 1991:27-28).

Persaingan politik antara masyarakat Islam dan Kristian di Sabah ini serupa seperti mana persaingan antara etnik Melayu dan bukan Melayu di Semenanjung Malaysia pada awal kemerdekaan seperti yang dijelaskan dalam kajian Azizah Kassim (1987:72) dan Pillai (1992:20-21). Aliran kemasukan orang Indonesia ke Semenanjung Malaysia didakwa oleh golongan bukan Melayu menambahkan bilangan orang Melayu supaya lebih kuat dalam politik. Hubungan sosial dan budaya yang sama dengan orang Melayu menyebabkan orang Indonesia mudah berasimilasi ke dalam masyarakat Melayu. Parti DAP mendakwa sebilangan orang Indonesia telah diberikan kad pengenalan biru atau taraf kewarganegaraan untuk membolehkan mereka mengundi dalam pilihan raya umum (Azizah Kassim, 1987:272).

PBS dalam pilihan raya 1985 dan 1990 telah menggunakan isu ini sebagai isu politik yang menjadi salah satu senjata yang telah menumbangkan pihak lawan. Mereka berbuat demikian seolah-olah mereka bersih dari tindakan kotor menggunakan pendatang asing untuk mendapatkan undi. Pada hal dalam masa yang sama mereka juga

²⁵ Isu 20 perkara berkaitan tuntutan Kerajaan Negeri Sabah yang meliputi kedudukan keistimewaan rakyat Sabah dalam Perlembagaan Persekutuan seperti 1) Agama, 2) Bahasa, 3) Perlembagaan, 4) Ketua Persekutuan, 5) Nama Persekutuan, 6) Imigresen, 7) Right of Secession, 8) Borneonisasasi dalam perkhidmatan, 9) Pegawai-pegawai British, 10) Taraf Kewarganegaraan, 11) Cukai dan Kewangan, 13) Kerajaan Negeri, 14) Tempoh Perpindahan perkhidmatan, 15) Pendidikan, 16) Kewangan, 13) Kerajaan Negeri, 14) Tempoh Perpindahan perkhidmatan, 15) Pendidikan, 16) Constitutional Safeguards, 17) Perwakilan dalam Perlimen, 18) Ketua Negeri, 19) Nama Negeri, dan 20) Tanah, Perhutanan, Kerajaan Tempatan dan lain-lain

memikat dan berkempen di kalangan pendatang Filipina supaya golongan ini menyokong mereka dalam pilihan raya ADUN 1990 dan 1994. Bukti kepada hakikat ini ialah ada pendatang Filipina di Kampung Bakau yang telah mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia pernah menjadi penyokong parti PBS (lihat muka surat 261). Malah masih ada antara mereka menyimpan bendera PBS yang direntangkan di dinding rumah mereka. Ada juga antara responden pernah mengatakan menerima wang dari parti PBS sebanyak RM 50 semasa pilihan raya.²⁶

Tindakan PBS untuk mendapatkan sokongan dari pendatang Filipina dan perlindungan yang diberikan oleh parti itu terhadap pendatang ini terbukti setelah kejatuhan Kerajaan PBS dan kemenangan parti komponen Barisan Nasional dalam pilihan raya 1993 di Sabah. Ketika itu beberapa orang ahli masyarakat di Bahagian Tawau telah ditangkap mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Mereka didakwa menjalankan kegiatan mengeluarkan kad pengenalan palsu dan resit-resit pengenalan sementara palsu. Bahkan ada di kalangan ahli-ahli parti UMNO sendiri yang terlibat dalam penangkapan itu.²⁷ Namun, para pemimpin UMNO Sabah menolak tuduhan bahawa kegiatan mereka berkaitan dengan parti UMNO (Daily Express, 20 September 1995). Akhbar tempatan melaporkan bahawa:

“ISA arrests nothing to do with Umno, says Salleh-Chief Minister Sabah”

(New Strait Times; 19 September 1995)

“Kes kad pengenalan; UMNO tidak terbabit”

(Berita Harian: 19 September 1995)

²⁶ Temu bual dari Encik Komlam Bin Jahti pada 13 Mei 1996.

²⁷ Lihat Daily Express pada 19 Julai 1995 dan Daily Express pada 20 September 1995.

Namun begitu, ada juga sebilangan pendatang tanpa izin dikatakan memiliki kad pengenalan yang sah. Kemungkinannya mereka telah memperolehi kad ini melalui "ICs Project." Kad pengenalan ini sama seperti yang dimiliki oleh penduduk tempatan. Ia boleh digunakan di mana-mana termasuk mendaftar untuk menjadi pemilih, memohon tanah simpanan kerajaan, memohon bantuan subsidi dan sebagainya tanpa menyalahi undang-undang. Isu pendatang tanpa izin mendapat kad pengenalan sah ini telah disuarakan oleh beberapa para pemimpin pembangkang. Mereka meminta supaya Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertindak tegas dan teliti apabila memproses dan mengeluarkan kad pengenalan (Berita Harian, 9 April 1990). Akhbar Daily Express (13 Mei 1987) pula mendedahkan bahawa 900 pendatang haram Filipina di Pulau Gaya, Kota Kinabalu memiliki kad pengenalan biru berdasarkan daftar undi pilihan raya. Dinyatakan juga majoriti dari kira-kira 5,000 orang penduduk di sana yang berasal dari Filipina telah memegang kad pengenalan biru dan menjadi warga negara Malaysia (Daily Express, 7 Mei 1987).

Kedua, penglibatan ahli politik memberi kad pengenalan biru kepada pendatang Filipina adalah semata-mata untuk kepentingan ekonomi. Kad pengenalan yang dikeluarkan bukannya diberikan percuma sahaja kepada pendatang asing tanpa izin, tetapi dijual dengan harga tertentu. Menurut dua orang responden bahawa:

"Pendatang tanpa izin Filipina kampung ini, selalu membeli kad pengenalan palsu dengan harga antara RM 250 hingga RM 400 daripada sindiket."²⁸

(Encik Pingli Manglaan)

²⁸ Temu bual pada 12 Mei 1996 (Jam 12.00 tengahari).

"Pendatang tanpa izin biasanya sanggup membayar berapa sahaja untuk mendapatkan kad pengenalan. Sebahagian daripada mereka ada yang tidak tahu kad pengenalan yang diberikan adalah palsu."²⁹

(Encik Komlan Bin Jahti)

Dengan harga RM 250 hingga RM 450 tiap-tiap satu, usaha menjual kad pengenalan ini boleh mendatangkan keuntungan yang lumayan (lihat lampiran 4). Misalnya, kalau pelanggannya mencapai 5,000 orang, penjual boleh mendapat antara RM 1.25 juta hingga RM 2.25 juta. Kos kad pengenalan boleh meningkat RM 1,000 jika permintaan terhadap dokumen seumpama itu mendesak.³⁰ Jadi keuntungan juga meningkat.

Ada juga sebilangan ahli politik yang menjadi majikan. Biasanya majikan mahukan pekerja asing tanpa izin yang sedia menerima gaji yang rendah. Pemberian atau penggunaan kad pengenalan palsu mengelakkan pendatang asing dari tangkapan pihak berkuasa di Sabah. Dengan adanya kad pengenalan, pekerja Filipina ini boleh di bawa ke mana-mana secara bebas.

7.5 Reaksi Penduduk Tempatan

Tindak balas masyarakat tempatan terhadap kedatangan warga asing khasnya warga Filipina dan penglibatan mereka dalam politik berbeza-beza. Ada yang memberi reaksi positif, yang lainnya bersikap negatif.

²⁹ Temu bual pada 13 Mei 1996.

³⁰ Lihat **Berita Harian** pada 26 Oktober 1995 (Polis Rampas 10,000 Kad Pengenalan Palsu).

7.5.1 Reaksi Positif

Kedatangan pendatang tanpa izin Filipina ke Sabah pula sangat disukai oleh peniaga-peniaga Cina di sekitar Lahad Datu. Menurut mereka, sejak kedatangan mereka penduduk di daerah ini semakin bertambah ramai. Keadaan ini mendatangkan keuntungan kepada mereka kerana permintaan terhadap barang-barang keperluan sangat tinggi berbanding dengan sebelumnya. Bagi mereka, walaupun kehadiran pendatang tanpa izin di daerah ini mengwujudkan peniaga-peniaga informal, namun mereka masih tidak merasakan kehilangan pelanggan. Perniagaan mereka juga tidak terjejas, malah menjadi semakin berkembang kerana sebahagian dari pendatang tanpa izin Filipina ini akan mendapatkan sumber bekalan barang-barang perniagaan dari peniaga Cina. Menurut salah seorang anggota polis:

"Sejak pihak berkuasa polis mengadakan operasi menangkap pendatang tanpa izin di daerah ini bermula selepas kejadian rompakan lanun di daerah Semporna dulu, keadaan bandar semakin lengang, menyebabkan kurangnya pendatang tanpa izin yang keluar. Keadaan ini juga menjelaskan perniagaan mereka kerana kurang pelanggan dari kalangan pendatang tanpa izin."³¹

Kemasukan barang-barang seludup dari Filipina dan Indonesia juga tidak dianggap menjelaskan peniaga-peniaga Cina. Ini disebabkan kualiti sebahagian dari barang itu adalah rendah berbanding barang bukan seludup. Biasanya orang tempatan suka membeli barang yang berkualiti daripada peniaga tempatan walaupun harganya lebih mahal sedikit berbanding dengan barang seludup. Hanya barang-barang

³¹ Temu bual pada 17 Mei 1996.

jenis rokok sahaja yang selalu mendapat pasaran yang laris di kalangan pendatang tanpa izin Filipina ini.

Selain dari peniagaan, kemasukan pendatang tanpa izin ini juga secara tidak langsung membawa kepesatan ekonomi daerah Lahad Datu. Pertumbuhan penduduk yang begitu tinggi di kalangan pendatang tanpa izin sama ada dari penghijrahan masuk ataupun peningkatan kadar kelahiran menyebabkan penduduk di bandar ini semakin ramai. Keadaan ini menggalakkan pertumbuhan sektor-sektor ekonomi seperti perladangan, perkilangan, pembinaan, pembalakan, pengangkutan, perkilangan, pelabuhan dan pertanian. Kebanyakan sektor-sektor ini menggunakan ramai pendatang asing tanpa izin yang sedia menerima upah yang rendah.

7.5.2 Reaksi Negatif

Penyertaan politik pendatang Filipina mendapat reaksi negatif dari setengah-setengah penduduk. Ini adalah kerana beberapa sebab:

- i) Persaingan untuk kemudahan Sosial
- ii) Masalah Jenayah
- iii) Penyeludupan


Ketiga-tiga perkara ini boleh meninggalkan kesan terhadap kestabilan politik tempatan dan lain-lain.

a) Persaingan Menggunakan Kemudahan Sosial

Selalu kedengaran keluhan-keluhan dari orang tempatan bahawa pihak pemerintah tidak berjaya mengatasi masalah kebanjiran pendatang tanpa izin di negeri ini. Mereka juga sering menyalahkan kerajaan kerana tidak menyediakan kemudahan sosial secukupnya untuk keperluan rakyat, misalnya kemudahan kesihatan seperti klinik dan hospital, kemudahan api dan air, kemudahan pendidikan seperti sekolah dan biasiswa serta kemudahan-kemudahan awam lain. Pada hari ini, kemudahan sosial yang sedia ada terpaksa dikongsi bersama antara rakyat tempatan dan pendatang asing. Mereka terpaksa bersaing menggunakan kemudahan sosial yang terhad ini.

Dalam kajian ini, persaingan penggunaan kemudahan ini dapat dilihat khususnya dalam mendapatkan kemudahan rawatan kesihatan di hospital daerah Lahad Datu yang digambarkan dalam carta 7.6 dan jadual 7.6. Sepanjang tahun 1990 hingga 1995 bilangan warga asing yang menerima rawatan di hospital itu adalah lebih ramai berbanding dengan penduduk tempatan (lihat carta 7.6). Mereka adalah terdiri dari 218,508 orang (57.2%) warga asing (rakyat Filipina dan Indonesia) dan 162,688 orang (42.8%) warga tempatan. Kecuali pada tahun 1994 bilangan warga asing yang mendapatkan rawatan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Misalnya dari tahun 1994 hingga 1995, bilangan yang datang meminta rawatan meningkat sebanyak 43.7% iaitu dari 23,954 orang kepada 42,531 orang. Kesemua yang mendapat rawatan ini adalah dalam kategori pesakit luar dan pesakit dalam.

CARTA 7.6: BAR MENUNJUKKAN BILANGAN WARGA ASING DAN TEMPATAN YANG MENDAPATKAN RAWATAN DI HOSPITAL DAERAH LAHAD DATU SABAH



Sumber: Diubah suai dari data Hospital Daerah Lahad Datu, Sabah.
Dikeluarkan pada 10 Jun 1996 (tidak diterbitkan).

Jadual 7.6
Bilangan Warga Asing dan Tempatan Yang Mendapatkan Rawatan Di Hospital Daerah Lahad Datu, Sabah.

TAHUN	WARGA YANG MENERIMA RAWATAN				
	TEMPATAN	PERATUS (TEMPATAN)	W/ASING	PERATUS (W/ASING)	JUMLAH
1990	25,019	40.3	37,027	59.7	62,046
1991	22,628	36.1	40,057	63.9	62,685
1992	28,000	40.7	40,738	59.3	68,738
1993	24,212	41.4	34,201	58.2	58,413
1994	36,503	60.4	23,954	39.6	60,457
1995	26,326	38.2	42,531	61.8	68,857
Jumlah	162,688	42.8	218,508	57.2	381,196

Sumber: Diubah suai dari data Hospital Daerah Lahad Datu, Sabah.
Dikeluarkan pada 10 Jun 1996 (tidak diterbitkan).

Menurut Pegawai Tadbir, Hospital Daerah Lahad Datu Encik Hussin Ampuan Daud,³² oleh kerana waktu kebelakangan ini lebih ramai pendatang asing yang mendapatkan rawatan di hospital Lahad Datu, maka sejak tahun 1993 satu akta telah dipinda kerajaan untuk mengenakan bayaran yang bebeza terhadap pesakit pendatang asing. Misalnya bayaran pendaftaran untuk pesakit luar pendatang asing ialah RM 2 iaitu

³² Temu bual pada 10 Jun 1996 (jam 10.00 am - 11.00 am) bertempat di Hospital Daerah Lahad Datu.

2 kali ganda bayaran orang tempatan. Lain-lain bayaran sebagai pesakit dalam adalah seperti jadual 7.7.

JADUAL 7.7
KADAR BAYARAN PERUBATAN HOSPITAL DAERAH LAHAD DATU

WARGA MALAYSIA

<u>Kelas Wad</u>	<u>Perubatan (RM)</u>	<u>Pembedahan(RM)</u>	<u>Bersalin (RM)</u>
Kelas 1	700	1100	800
Kelas 2	200	400	350
Kelas 3	20	30	15

WARGA ASING

<u>Kelas Wad</u>	<u>Perubatan (RM)</u>	<u>Pembedahan (RM)</u>	<u>Bersalin (RM)</u>
Kelas 1	1400	2200	1400
Kelas 2	400	1200	900
Kelas 3	200	600	450

Sumber: Hospital daerah Lahad Datu pada 10 Jun 1996

Walaupun kadar berkenaan telah dikuatkuasa, namun telah menjadi masalah kepada pentadbiran hospital untuk mengutip bayaran ini kerana kebanyakan pendatang tanpa izin yang meminta rawatan 'pesakit dalam' khususnya untuk perubatan, pembedahan dan bersalin tidak mampu membayar. Majoriti dari mereka berpendapatan rendah antara RM 300 - RM 400 sebulan, hanya cukup untuk menyara kehidupan. Dengan itu pihak pentadbiran hospital telah mengambil langkah sendiri atas rasa perikemanusiaan untuk membenarkan mereka membayar secara ansuran mengikut kemampuan. Namun, dalam kebanyakan kes ramai tidak membayar kos perubatan ini kepada pihak hospital. Pihak hospital ada juga menghantar bil melalui surat, namun tidak

mendapat sambutan. Ada juga kes-kes pesakit (pendatang tanpa izin) melarikan diri dari wad rawatan kerana tidak mampu membayar kos perubatan. Ini mendorong pihak hospital mengadakan kaunter bergerak dari wad ke wad untuk meminta bayaran kepada pesakit-pesakit mengikut kemampuan pada masa itu.³³

b) Masalah Jenayah

Di daerah Lahad Datu, pelbagai jenis jenayah telah dilakukan oleh pendatang asing tanpa izin Filipina (lihat jadual 7.8). Dari segi jenayah yang dilakukan, orang Filipina memang terkenal dengan jenayah kekerasan yang melibatkan bunuh, cuba membunuh, rompakan dan rogl. Pada tahun 1990 hingga April 1996 sebanyak 42 kes jenis jenayah ini melibatkan pendatang Filipina berbanding dengan 10 kes sahaja yang melibatkan orang tempatan.

Dari laporan Bahagian Siasatan Jenayah, Pejabat Polis Diraja Malaysia, Daerah Lahad Datu Sabah yang ditunjukkan dalam jadual 7.8, didapati pendatang Filipina adalah orang yang lebih ramai terlibat berbanding orang tempatan dalam kes-kes jenayah jenis harta benda (curi), kesalahan senjata api, penyalah gunaan dadah, kes wang palsu dan kes kad pengenalan palsu. Dari semua jenis jenayah yang dilakukan di daerah Lahad Datu, sebanyak 194 kes (78.2%) melibatkan orang Filipina berbanding 54 kes (21.8%) orang tempatan.

³³ Temu bual dengan **Encik Hussein Ampuan Daud** pada 10 Jun 1996 (jam 10.00 am - 11.00 am) bertempat di Hospital Daerah Lahad Datu.

JADUAL 7.8
STATISTIK JENAYAH YANG DILAKUKAN OLEH WARGA FILIPINA DAN TEMPATAN
PADA TAHUN 1990 HINGGA APRIL 1996 DI LAHAD DATU, SABAH

JENIS JENAYAH	1990		1991		1992		1993		1994		1995		1996	
	Filipina	Tempatan												
JENAYAH KEKERASAN														
BUNUH	2	-	-	-	4	-	3	-	1	-	1	-	-	-
CUBA BUNUH	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1	-	-	-
SAMUNG'SAPI	1	-	-	-	-	-	4	-	2	-	1	-	-	-
SAMUNG'TANPA SAPI	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
SAMUN BERSENJATA	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-
API	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1	-	-	-
SAMUNTANPA SAPI	-	-	3	-	-	-	2	-	5	-	2	-	1	-
ROGOL	-	3	5	2	-	2	1	-	-	-	-	-	-	-
SEK.324/326 DTG CDRA	1	0	5	6	0	0	10	2	12	2	4	1	-	-
JUMLAH	4	0	6	5	6	0	10	2	12	2	4	1	-	-
JEN. HARTA BENDA														
PCH RUMAH & CURI (\$)	-	1	1	-	-	2	3	1	2	1	1	6	4	1
PCH RUMAH & CURI (m)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
CURI MOTOR/LORUVAN	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	-	-
CURI MOTOKAR	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1	-
CURI MOTOSIKAL	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
CURI BASIKAL	-	1	8	6	7	5	14	7	10	10	12	-	6	-
LAIN-LAIN CURI	4	1	8	6	6	7	17	8	12	11	20	5	8	-
JUMLAH	4	2	9	6	7	7	17	8	12	11	20	5	8	-
KESALAHAN SAPI	3	-	1	1	2	-	-	-	-	1	1	-	-	-
SALAH GUNA DADAH	4	-	7	2	10	-	6	-	2	-	5	1	1	-
KES WANG PALSU	2	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1	-	1	-
KES IC PALSU	4	-	7	-	3	-	6	-	1	-	4	-	3	-
JUMLAH	21	2	30	14	28	7	40	10	27	13	35	8	13	-

Sumber: Bahagian Siasatan Jenayah, Pejabat Polis Diraja Malaysia, Daerah Lahad Datu, Sabah (Tidak diterbitkan).
Dikeluarkan pada 22 Jun 1996 (tidak diterbitkan).

Maka dirumuskan bahawa kehadiran pendatang Filipina terutamanya secara tanpa izin di Sabah meningkatkan kadar jenayah di negeri ini. Banyak kes jenayah terutamanya kes-kes jenayah berat dilakukan oleh warga negara asing. Keadaan seperti ini juga ditemui dalam kajian Kalsum Mohamad Nor (1991:53), Kelana Jaman (1994:49-56), Zulkiflie Hassan (1993/1994:115-120) dan Maria David (1996:42). Kegagalan sebilangan mereka menyesuaikan diri dengan situasi tempatan dan keinginan untuk menikmati kehidupan yang lebih mewah menyebabkan ada antara mereka yang cuba mengambil jalan singkat dengan melakukan pelbagai jenis jenayah untuk wang dan harta di Sabah. Adalah dipercayai cara kehidupan yang kasar dan ganas ini merupakan sebahagian dari budaya yang diamalkan di Filipina dulu. Keadaan ini sudah tentu boleh menjelaskan kestabilan politik negeri Sabah jika lauk kebanjiran pendatang tanpa izin dibiarkan.

c) Sindiket Penyeludupan Barang

Kegiatan penyeludupan barang-barang oleh pendatang asing menunjukkan kerajaan masih gagal mengawal kemasukan barang-barang asing secara haram. Biasanya barang-barang yang diseludup oleh pendatang Filipina adalah barang-barang perniagaan informal. Jenis barang ini terdiri dari rokok jenama *Champion*, barang-barang runcit seperti sabun pencuci, sabun mandi, peralatan pinggang magkuk, selipar, kasut, pakaian dan sebagainya termasuk senjata api. Barang-barang ini dibawa dengan pengangkutan tempel kemudian dijual kepada orang Filipina yang terlibat dengan perniagan informal. Harga jualan lebih murah berbanding dengan harga pasaran tempatan.

Pengkaji juga melihat arak jenis '*brandy*' diseludup di Kampung Bakau dari Filipina.³⁴ Lebih kurang 10 kotak telah diseludup masuk. Setiap kotak mengandungi 24 botol. Arak-arak ini dipercayai dijual kepada penduduk kampung dan tauke-tauke Cina dari bandar Lahad Datu. Menurut responden, di sana sering berlaku pergaduhan akibat dari mabuk meminum arak. Pengkaji juga melihat dua orang tauke Cina yang disyaki terlibat dalam pembelian arak yang diseludup.³⁵ Mungkin tauke berkenaan membeli sebab harganya lebih murah berbanding dengan harga pasaran tempatan kerana tidak dikenakan duti import.

Di samping penyeludupan barang dari Filipina, mereka juga menerima penyeludupan barang dari Indonesia. Bagaimanapun, jenis barang dari Indonesia itu hanya tertumpu kepada barang rokok jenama *Gudang Garam* dan *Suria* yang mendapat pasaran paling laris di Sabah. Ia diseludup masuk melalui jalan laut terus ke daerah Lahad Datu ataupun melalui jalan darat dari daerah Tawau. Menurut Azmi Abdullah, seorang penduduk Lahad Datu yang bertugas di Pejabat Daerah Lahad Datu, kemasukan barang-barang seludup terutamanya rokok jenama Suria dan Gudang Garam mendapat pasaran yang laris di daerah itu. Beliau menganggarkan jumlah perokok di Sabah yang menggunakan jenama Suria dan Gudang Garam seramai 300,000. Jika tiap orang merokok sekotak sehari dengan membelanjakan RM 1.00, maka perokok-perokok berkenaan akan membelanjakan sebanyak RM 300,000 sehari dan jumlah ini boleh mencapai RM 9 juta sebulan.³⁶ Ini akan menguntung negara Indonesia kerana biasanya rokok-rokok dari negara berkenaan masuk tanpa duti import.

³⁴ Pemerhatian pada 12 Mei 1996 jam 12.20 tengahari dan maklumat informan.

³⁵ Pemerhatian pada 16 Mei 1996 jam 3 petang.

³⁶ Temu bual dengan Encik Azmi Abdullah (kakitangan Pejabat Daerah Lahad Datu) pada 10hb Mei 1996.